

NAMA INOVASI : PENGURUSAN PEWUJUDAN FAIL INDUK PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN MARA (IPMa) SECARA ATAS TALIAN KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

PENGENALAN

Projek inovasi ini diwujudkan untuk mengatasi masalah kelambatan dalam pewujudan fail induk pelajar IPMa khususnya KPM, IKM/KKTM. Kelambatan proses pewujudan fail induk memberi kesan kepada penerimaan bantuan elaun pelajar. Mula dibangunkan pada Jan 2012 dan merupakan sebahagian modul dalam Sistem Pengambilan UPIM (SPUPIM).

LAPORAN INOVASI

+ Tujuan Projek Inovasi

- ☀ Inovasi pengurusan pewujudan fail induk pelajar IPMa secara atas talian dilaksanakan bermula dengan pengambilan pelajar sesi Julai 2012. Pada permulaan, pusat-pusat yang terlibat dalam pelaksanaan inovasi ini adalah Kolej Profesional MARA (KPM), Institut Kemahiran MARA (IKM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM). Seterusnya pelaksanaannya dikembangkan lagi untuk kegunaan Kolej MARA (KM). Hasilnya, inovasi ini dapat mempercepatkan proses pewujudan fail induk pelajar dan pemberian elaun sara hidup pertama pelajar selepas pendaftaran pengajian bermula serta mengurangkan kos operasi.

+ Proses Pelaksanaan Inovasi

- ☀ Tidak memerlukan pemasangan aplikasi dan perkakasan tambahan.
- ☀ Aplikasi yang diperlukan di komputer pengguna adalah pelayar web (web browser) internet explorer sahaja.
- ☀ Sistem boleh dicapai melalui internet atau intranet.
- ☀ Kemudahan capaian kepada internet sama ada melalui rangkaian ataupun *wireless*.

+ Proses **sebelum** dan **selepas**

☀ Proses sebelum

- Pengurusan pewujudan fail induk khususnya untuk pelajar-pelajar yang menyambung pengajian di Institut Pendidikan MARA (IPMa) dilakukan secara manual dengan mengisi borang LPP4 mengikut pusat IPMa. Setelah semua pelajar melengkapkan maklumat di dalam borang tersebut, pihak pusat IPMa akan membuat semakan dan pengesahan ke atas maklumat yang diisi oleh pelajar. Setelah semua borang disemak dan disahkan oleh IPMa, borang-borang tersebut akan dihantar secara longgok ke Bahagian Kewangan MARA (BKW) untuk pendaftaran fail induk pelajar melalui Sistem Pelajar, Sistem Maklumat Berkomputer MARA (SMBM).

- Sebelum pihak BKW membuat pendaftaran fail induk pelajar di sistem pelajar SMBM, semakan borang akan dilakukan terlebih dahulu untuk memastikan semua dokumen adalah lengkap. Jika terdapat dokumen yang tidak lengkap, pihak BKW akan menghantar semula semua borang secara longgok ke IPMa terlibat untuk dilengkapi. Pusat IPMa akan melengkapkan semula borang tersebut dan dihantar kembali ke BKW untuk pendaftaran fail induk pelajar. Setelah semua borang disahkan lengkap oleh BKW, proses pendaftaran fail induk pelajar bermula. Proses pendaftaran fail induk pelajar memerlukan pihak BKW membuat kemasukan data ke sistem pelajar SMBM secara satu persatu sehingga semua pelajar didaftarkan. Setelah pendaftaran fail induk berjaya, pada bulan berikutnya pelajar akan menerima elaun sara hidup.

☀ Proses selepas

- Selepas inovasi diperkenalkan, semua borang-borang manual (LPP4, LPP4A, LPP8 dan LPP6) untuk pendaftaran fail pelajar tidak digunakan lagi. Penyediaan untuk pendaftaran fail induk pelajar dilakukan secara atas talian. Maklumat-maklumat pelajar untuk pendaftaran fail induk diperolehi terus dari sistem merupakan sub modul kepada sistem SPUPIM. Pihak pusat IPMa hanya perlu melengkapkan maklumat elaun, maklumat penjamin dan maklumat akaun bank pelajar melalui skrin-skrin sistem yang disediakan. Maklumat yang lengkap akan disemak dan disahkan oleh pegawai yang telah diberikan tanggungjawab berkenaan secara atas talian juga.
- Pendaftaran fail induk akan diproses secara automatik setiap hari setelah rekod pelajar disahkan di sistem SPUPIM. Setelah proses tersebut, secara automatik rekod pelajar akan wujud di sistem pelajar SMBM. Proses seterusnya adalah mengemaskini maklumat akaun bank. Kemaskini maklumat akaun bank dilaksanakan untuk membolehkan elaun pelajar terus dimasukkan ke akaun bank pelajar tanpa perlu mengeluarkan cek. Semua proses ini tidak melibatkan pembabitan BKW. Melalui inovasi ini, manfaatnya tidak hanya terhad kepada pelajar. Manfaatnya juga memberi kesan kepada kerja-kerja BKW dan pengawal program iaitu BPT dan BKT.
- Pengawal program (BKT dan BPT) dan pusat-pusat IPMa khususnya Institut Kemahiran MARA (IKM), Kolej Kemahiran MARA (KKTM), Kolej Profesional MARA (KPM) dan Kolej MARA (KM) juga boleh membuat pemantauan kerja-kerja pewujudan fail induk secara atas talian melalui skrin statistik yang disediakan. Pengawal program boleh membuat pemantauan semua pusat-pusat IPMa di bawah kendaliannya. Manakala pusat-pusat IPMa hanya boleh membuat pemantauan untuk pusat tersebut sahaja.

✚ Eleman Penurunan Kuasa

- ☀ Tiada.

✚ Impak Inovasi Terhadap Kumpulan Sasar/Perkhidmatan/Jabatan/Agensi/Negera:

☀ Elemen Inovatif/Kreativiti

- Inovasi yang diperkenalkan ini dikembangkan dari proses kerja urusan pengambilan pelajar UPM yang mana proses kerja semasa hanya terhad kepada urusan pengambilan sahaja. Seharusnya proses kerja perlu dilengkapkan sehingga urusan elaan sara hidup pelajar. Inovasi ini juga dapat mengurangkan karenah borokrasi dalam pewujudan fail induk pelajar dimana proses-proses yang tidak penting dikeluarkan atau diringkaskan.

☀ Elemen Keberkesanan

- Inovasi ini telah diuji cuba bermula Januari 2012 dan telah dilaksanakan sepenuhnya bermula pengambilan Julai 2012. Tahun 2013 pelaksanaan sistem diperluaskan kepada Kolej MARA untuk membuat pendaftaran fail induk pelajar melalui sistem.

☀ Elemen Signifikan

- Inovasi ini telah memudah dan mempercepatkan urusan pelanggan, mengoptimumkan penggunaan ICT, mengurangkan karenah borokrasi dan memudahkan pemantauan dilaksanakan.

☀ Elemen Releven

- Inovasi ini boleh diperluaskan kepada IPMa yang lain. Sebagai contoh ianya telah diperluaskan untuk kegunaan Kolej MARA bermula 2013 walaupun pengambilan pelajar untuk Kolej MARA tidak dilaksanakan melalui sistem SPUPIM. Pelaksanaannya juga telah diperluas untuk kegunaan pelajar-pelajar tajaan Bahagian penganjuran Pelajaran MARA (BPP) seperti Skim Pra-SPM IPMa dan Skim Diploma Cemerlang.

✚ Pengiktiran

- ☀ Pengawal program (BPT dan BKT) mewajibkan semua pusat di bawah kendalian mereka menggunakan SPUPIM dalam kerja-kerja pengurusan pewujudan fail induk pelajar.